

BAB 6



CABARAN DAN KEBERKESANAN

Pengenalan

Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia adalah satu daripada beberapa acara penting yang dilaksanakan oleh sesebuah universiti yang berkait langsung dengan orang awam dan komuniti dari institusi pengajian tinggi yang lain. Sebarang acara yang ada kaitannya dengan orang luar kampus adalah sangat penting untuk diberi perhatian oleh sesebuah universiti itu. Banyak perkara yang diukur atau diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan sesuatu projek itu. Antaranya ialah keberkesanan pengurusan.

Ukuran ini selalunya memberi jawapan sama ada institusi yang menguruskan acara itu berjaya atau gagal. Seperkara lagi ialah paras kreativiti. Mereka yang terlibat, sama ada langsung atau tidak, akan memerhati sama ada terdapat kelainan dalam persembahan acara atau ada sesuatu yang menakjubkan mereka dalam keseluruhan pengurusan. Dalam acara seperti FFVPM ini, selalunya tidak kurang 300 orang pelajar bersama pensyarah masing-masing akan berkampung di sesebuah universiti yang menjadi hos. Dalam konteks ini, UniMAP sememangnya diuji dari segi kemampuannya menguruskan acara yang besar ini.

Perkara lain yang tidak kurang pentingnya ialah sejauh mana keputusan juri mampu memuaskan mereka? Setiap peserta masing-masing menyimpan harapan untuk menang. Kontroversi yang kerap wujud ialah, juri tidak adil. Adakah UniMAP mampu mengatasi semua jangkaan dan harapan tersebut? Maklum balas daripada media adalah antara ukuran yang kerap digunakanpakai mengenai kejayaan atau kegagalan sesuatu festival filem.

KEBIMBANGAN YANG TIDAK MENJADI REALITI

Kebimbangan awal yang menghantui pihak pengurusan UniMAP termasuk ahli-ahli jawatankuasanya ialah mampukah UniMAP memberikan sesuatu yang menarik dalam acara yang umumnya begitu berlainan dengan bidang tujahan ilmu yang diberikan di UniMAP sedangkan ia tidak mempunyai pelajar perfileman atau penyiaran?

Perkara lain yang kerap difikirkan ialah mampukah UniMAP memenuhi jangkaan dan harapan FINAS yang selama ini memang terkenal dengan kehebatan menganjurkan acara-acara besar yang penuh daya tarikan? Sekiranya UniMAP tidak atau kurang mampu menguruskan FFVPM7, maka dengan mudah nama UniMAP tercemar.

Terdapat beberapa *standard* yang kerap ditetapkan oleh UniMAP dalam mengendalikan acara-acara yang melibatkan orang luar. Pertama, perjalanan acara yang kemas dan teratur; kedua, memberikan perkhidmatan dan persembahan melebihi daripada apa yang diharapkan oleh tetamu; ketiga, sentiasa berbudi pekerti dan berhemah tinggi; keempat, memberikan impak bahawa tetamu selesa di UniMAP sepanjang acara berlangsung dan merasa bahawa mereka adalah sebahagian daripada warga UniMAP.